

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor keluarga dan penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi. Kajian ini dijalankan di Asrama Akhlak Perempuan Jitra, Kedah dan menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul data serta menganalisis data. Responden yang dipilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan dengan mengenal pasti sepuluh remaja perempuan. Pengkaji juga mendapatkan persetujuan mereka terlebih dahulu untuk dilibatkan sebagai subjek kajian. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur iaitu pengkaji menyediakan senarai soalan yang berkaitan terlebih dahulu. Data seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan penglibatan remaja perempuan dalam delinkuensi didorong oleh sistem keluarga yang tidak berfungsi, pengalaman didera dan masalah hubungan dengan keluarga.

**Kata kunci:** remaja perempuan, delinkuensi, faktor keluarga